

30 MAY 1998

LEAD Mahathir-Mat Taib '''

MAJLIS TERTINGGI UMNO BINCANG KEDUDUKAN MAT TAIB 8 JUN

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membicarakan kedudukan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dalam parti pada mesyuaratnya 8 Jun ini.

Menurut Perdana Menteri dan Presiden Umno beliau tidak boleh menentukan kedudukan Muhammad seorang diri.

Muhammad semalam dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane, Australia, daripada dua tuduhan membuat perisytiharan palsu mengenai wang yang dibawanya semasa memasuki Australia pada 16 Dis 1996 serta gagal mengisytiharkan lebih A\$1.26 juta (RM2.9 juta) ketika mahu berlepas ke New Zealand enam hari kemudian.

"Yang itu kita tidak boleh tentukan sehingga MT bermesyuarat. Kalau tanya saya sekarang, saya hendak buat keputusan macam mana," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung ke-45 MCA di sini.

Muhammad meletakkan jawatan Menteri Besar dan bercuti jawatan Naib Presiden parti setelah didakwa di mahkamah berhubung kes itu.

Dr Mahathir juga enggan menyatakan apakah beliau terperanjat setelah mengetahui Muhammad memiliki banyak harta bernilai berjuta-juta ringgit di Australia dan New Zealand.

"Saya ingat saya tak jawab dululah soalan ini sehingga MT bermesyuarat.

"Sebenarnya sebagai MB, dia mesti mengisytiharkan hartanya kepada saya," kata Perdana Menteri.

Muhammad semasa perbicaraan Isnin lepas memberitahu mahkamah bahawa beliau menggunakan nama isterinya Puan Sri Asbi Rohani Hasnan untuk membeli beberapa harta di Australia dan New Zealand.

Harta-harta itu ialah tanah bernilai A\$460,000 dan banglo yang juga bernilai A\$460,000 di Sovereign Island, Gold Coast; ladang di Currajong kedua-duanya di Australia bernilai A\$3.7 juta; rumah bernilai NZ\$500,000 dan dua bidang tanah bernilai kira-kira NZ\$4 juta di New Zealand.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti akan meneliti kes Muhammad pada mesyuaratnya minggu depan.

Menurutnya jawatankuasa itu yang dipengeruskannya akan memaklumkan hasil mesyuarat kepada Dr Mahathir dan kemudian dibawa kepada MT.

"Saya telah berbincang dengan presiden parti dan kita bersetuju supaya perkara ini dibincang dalam Majlis Tertinggi," katanya selepas mengadakan pertemuan selama sejam dengan Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku di sini.

Anwar sebelum itu mengadakan pertemuan dengan menteri-menteri beliau dari 35 negara Komanwel yang menghadiri mesyuarat tiga hari mereka yang berakhir hari ini.

"Kita alu-alukan keputusan mahkamah itu dan kita ucapkan tahniah kepada Tan Sri Muhammad," katanya.

-- BERNAMA

RA WAT RON